

**BiHSEd  
SEMINAR  
2019**



<http://conference.upm.edu.my/bihsed>

# **SEMINAR DWI-TAHUNAN PENDIDIKAN SAINS RUMAH TANGGA**

Pembangunan Kelestarian  
Pendidikan Sains Rumah Tangga

25 April 2019 | Khamis  
Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM



PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

**BERILMU BERBAKTI**  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

[www.upm.edu.my](http://www.upm.edu.my)

# **TIMBALAN PENGARAH PEMBANGUNAN KEJURULATIHAN PTV, BPTV**

Pn. Norhana Mustapha



Selamat datang kepada semua peserta dan terima kasih kerana menyertai program Seminar Dwi-Tahunan Pendidikan Sains Rumah Tangga 2019 (Seminar BiHSEd 2019) yang bertempat di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM atas usahanya dalam menganjurkan program perkongsian ilmu dan kepakaran seperti ini dan mempromosi serta memperkasa bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga di Malaysia. Selaras dengan tema seminar “Pembangunan Kelestarian Pendidikan Sains Rumah, pihak kementerian komited untuk melakukan apa-apa bentuk aktiviti penyelidikan akademik termasuk program perkongsian ilmu dan kepakaran dalam bidang ini. Melalui inisiatif ini, diharapkan dapat menjadi penanda aras untuk bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga di Malaysia dan juga Amerika Syarikat dari aspek kurikulum dan kaedah pengajaran, memperkasa guru Pendidikan Sains Rumah Tangga dalam institusi pendidikan dan membina jaringan perkongsian dalam kalangan penyelidik dan pengamal dalam bidang ini.

Untuk makluman, setiap institusi mempunyai peranan masing-masing dalam menyediakan tenaga kerja mahir yang diperlukan untuk semua peringkat ekonomi. Oleh itu, dengan wujudnya program perkongsian seperti ini kita mampu melahirkan modal insan yang memiliki minda kelas pertama untuk menghadapi cabaran menuju ke arah negara maju. Melalui program seperti ini, kita juga akan didedahkan dengan hasil kajian terkini dari negara luar agar kualiti pendidikan dan latihan khususnya bagi Pendidikan Sains Rumah Tangga dapat ditingkatkan sekaligus dapat memenuhi keperluan negara dengan melahirkan ahli profesional, pendidik dan penyelidik yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, kreatif, inovatif dan berwawasan.

Jalinan kerjasama antara universiti luar negara dan Universiti Putra Malaysia bagi merealisasikan program sesi perkongsian ilmu dan kepakaran ini dapat membantu memperkasakan lagi bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga di Malaysia dalam usaha menuju ke arah kecemerlangan dalam pengajaran, penyelidikan, khidmat perundingan dan pengembangan dalam bidang ini. Selain itu, program ini juga mampu menyediakan tenaga pendidik dan penyelidik yang mahir dan terlatih khususnya dalam bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga. Sehubungan itu, saya percaya dengan bercambahnya program berimpak tinggi seperti ini dapat memberi banyak faedah kepada diri, masyarakat dan negara. Justeru itu, saya amat menggalakkan program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Puan Norhana Mustapha



**DEKAN**  
**FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN**  
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Prof. Dr. Aida Suraya Md. Yunos

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah izin serta kurnia-Nya Program Seminar Dwi-Tahunan Pendidikan Sains Rumah Tangga 2019 (Seminar BiHSEd 2019) anjuran Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) dapat dilaksanakan dengan cemerlang. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dengan usaha murni pihak Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal yang menganjurkan program berimpak tinggi seperti ini. Ianya merupakan satu platform yang menghubungkan ahli profesional dari dalam dan luar negara, warga pendidik serta pengamal dalam bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga di Malaysia. Saya amat percaya dan yakin bahawa program perkongsian ilmu dan kepakaran seperti ini mampu memberi input yang bermanfaat dan pendedahan yang berkesan kepada setiap peserta yang terlibat untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang telah dikongsikan bagi meningkatkan keberkesanan bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga di Malaysia. Selain itu, program seperti ini juga mampu memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan negara serta kemajuan manusia sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran serta kelestarian budaya ilmu yang diamalkan di negara ini.

Sekali lagi, setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan seminar ini. Diharap agar seminar ini dapat memberi impak yang positif kepada setiap individu yang terlibat yang terdiri daripada golongan ahli profesional, pensyarah dan juga para guru-guru. Saya juga yakin program ini dapat membantu mempromosi dan memperkasa bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga di Malaysia sekaligus mempertingkatkan lagi kualitinya dari aspek kurikulum, proses pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan.

Semoga segala ilmu yang dikongsikan dapat dimanfaatkan untuk kepentingan rakyat sejagat dan ekonomi negara di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,

Prof. Dr. Aida Suraya Md. Yunos

## PENGERUSI SEMINAR

Prof. Madya. Dr. Abdullah Mat Rashid



Bagi pihak jawatankuasa pengajur, saya mengucapkan selamat datang kepada semua peserta program Seminar Dwi-tahunan Pendidikan Sains Rumah Tangga 2019 (BiHSEd Seminar 2019) yang bertempat di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Seminar yang dijalankan dalam tempoh 2 tahun sekali ini merupakan anjuran Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM.

Saya percaya, Seminar BiHSEd 2019 ini merupakan platform yang tepat dan ideal dalam mengangkat bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga di negara ini. Usaha ini juga dapat dilihat sebagai mekanisme terbaik untuk memperkasakan lagi profesionalisme keguruan dalam memantapkan pedagogi pengajaran, pengaplikasian teknologi dan penerokaan penemuan baharu dalam bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga di negara ini melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Saya juga amat berbesar hati dengan kehadiran Prof. Dr. Virginia B. Vincenti dari University of Wyoming, Amerika Syarikat untuk berkongsi ilmu dan kepakaran beliau khususnya dalam bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga. Saya berharap melalui program perkongsian ilmu dan kepakaran seperti ini, penambahbaikan terutamanya dari aspek kurikulum dan kaedah pengajaran dapat dilaksanakan dengan jayanya dalam bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga di Malaysia. Selain itu, melalui program ini juga, hasil kajian, polisi dan inovasi dalam bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga dapat disebar luas dan dikongsi bersama para pendidik di Malaysia sejajar dengan misi Fakulti Pendidikan, UPM untuk memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara serta kemajuan manusia sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran ilmu.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada peserta yang menyertai Seminar BiHSEd pada tahun ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat untuk menjayakan program ini atas komitmen, dedikasi dan usaha yang gigih yang diberikan bagi menjayakan program seminar BiHSEd 2019 ini.

Sekian, terima kasih.

Ikhlas dari,

Prof. Madya. Dr. Abdullah Mat Rashid

# UCAPTAMA 1

## *Lesson from the U.S.A. Home Economies Successes and Mistakes Home Economic and Home Economic Education*



Prof. Emeritus Dr. Virginia B. Vincenti

Virginia Vincenti merupakan seorang Profesor Pembangunan Sumber Manusia dan Sains Keluarga di University of Wyoming, Amerika Syarikat dari tahun 1992 sehingga sekarang. Pernah berkhidmat sebagai Pengarah Program Pendidikan Ekonomi Rumah Tangga di Universiti Massachusetts-Amherst, 1988-1992 dan dijemput untuk mengajar kursus-kursus pengajian Pendidikan Ekonomi Rumah Tangga di Pennsylvania State University dan Iowa State University. Beliau sangat aktif dalam melibatkan diri dalam bidang sains melalui kepakaran beliau dalam menterjemah pemikiran praktikal dan kritikal, etika keguruan, dan merupakan seorang pensyarah yang mengajar kursus-kursus pra siswazah dan pasca siswazah. Beliau juga aktif menerbitkan artikel jurnal dan bab-bab dalam buku. Beliau memperoleh Bacelor Sains dari Mansfield University, Pennsylvania, Master Sains dan Ph.D., dari Pennsylvania State University dalam bidang Pendidikan Ekonomi Rumah Tangga. Beliau juga minor dalam bidang Kimia dan pakar dalam bidang Pengajian Individu dan Kekeluargaan.

Penyelidikannya tertumpu kepada sejarah dan falsafah sains dan ekonomi rumah tangga, sains kepenggunaan dan terkini, eksplorasi kewangan oleh ahli keluarga yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal ekonomi keluarga yang merupakan masalah yang kritikal di seluruh dunia. Penyelidikan beliau lebih kepada usaha untuk mengukuhkan amalan profesionalisme dan meningkatkan kualiti kehidupan untuk individu, keluarga dan masyarakat.

Penerbitan beliau termasuk disertasinya iaitu *A History of the Philosophy of Home Economics* dan buku yang disunting bersama bertajuk: *Rethinking Home Economics: Women and the History of A Profession* yang turut diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun. Banyak artikel beliau berfokus kepada sejarah dan falsafah, isu, berkaitan dengan peningkatan kualiti profesion. Beliau juga telah memberikan ucap utama dan pembentangan hasil penyelidikan di persidangan-persidangan dalam negara dan peringkat antarabangsa.

Dipengaruhi oleh kerja-kerja hasil penyelidikan Pendidikan Ekonomi Rumah Tangga daripada Brown dan Paolucci (1979), Prof. Vincenti banyak menggunakan pendekatan sains kritikal, termasuk penyelesaian masalah secara praktikal, kemahiran berfikir secara kritikal dan etika-etika profesion dalam kajian-kajian beliau. Beliau berkhidmat sebagai Presiden Persatuan Keluarga dan Sains Pengguna di Amerika Syarikat dan turut berkhidmat dalam pelbagai agensi-agensi kepimpinan.

## UCAPTAMA 2

### *Heritage Food*

Prof. Madya Dr. Muhammad Shahrim Abdul Karim



Dr. Muhammad Shahrim Abdul Karim berkhidmat sebagai Profesor Madya di Jabatan Pengurusan dan Khidmat Makanan di Universiti Putra Malaysia. Beliau pemegang Ijazah Bacelor Sains dari New York University, Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (M.B.A.) dari Universiti Teknologi Mara, dan ijazah Ph.D. dari Oklahoma State University, Stillwater, Amerika Syarikat. Bidang kepakaran beliau meliputi Pengurusan Kulinari, Pelancongan dan Makanan, Makanan Warisan, Hospitaliti dan Pengurusan Perkhidmatan Makanan. Beliau sangat berkemahiran dalam bidang yang diceburi dan berpengalaman luas dalam bidang pengajaran dan penyelidikan serta banyak menerbitkan artikel dalam jurnal berimpak dalam dan luar negara. Selain itu, beliau aktif dalam menjalankan kajian-kajian melalui geran-geran penyelidikan. Antara geran-geran penyelidikan yang dianugerahkan kepada beliau adalah daripada Geran Putra untuk tajuk kajian *Sustainable Islamic Tourism: The Arabs Tourists' Experience with Malaysian Food*, Geran Kementerian Pendidikan Malaysia, *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* bertajuk *Mixed Method Study on the Impact of Gastronomic Culture Towards Malaysia* dan Geran Kementerian Pendidikan Malaysia, dan *Exploratory Research Grant Scheme (ERGS)* bertajuk *Safeguarding Malaysia Food Culture and Defining the role of Malaysia Heritage Food in Attracting International Tourists*. Antara buku-buku terbitan beliau adalah *Spice of Life. Recipes and Remedies* yang diterbitkan Karangkraf, *The Challenges in Establishing Environmental Management Systems in Tourism and Hospitality Establishments. In Handbook of Research on Global Hospitality and Tourism Management*, diterbitkan oleh IGI Global, USA, *The Structure of Street Food Culture in Penang, Malaysia* diterbitkan dalam *Global Street Food Culture*, Italy dan beberapa lagi judul yang diterbitkan dalam dan luar negara. Selain daripada itu, hasil penulisan beliau turut dimuatkan dalam akhbar utama, sebagai contoh artikel bertajuk Sajian dan Khasiat Herba di Malaysia: Moden dan Tradisional dan Sajian Eksotik Warisan Bugis (*Exotic Bugis Heritage Food*). Dr. Muhammad Shahrim Abdul Karim lebih dikenali melalui media masa kerana secara aktif terlibat dengan pendemonstrasian makanan melalui rancangan-rancangan televisyen dan dokumentari. Antaranya ialah sebagai chef jemputan untuk program *Masterchef AllStar* yang diterbitkan oleh ASTRO, *Pastry With Chef Wan* di RTM1, Malaysia Hari Ini TV3 (MHI). Beliau turut aktif dengan projek komuniti antaranya projek transformasi komuniti universiti di Sri Serdang, Selangor dan Raub, Pahang. Turut aktif dalam program Malaysia Agriculture & Horticulture Show (MAHA) yang diadakan secara tahunan di *Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI)*. Beliau secara aktif memberi sumbangan kepada masyarakat dan memegang taruh akademik melalui kepakaran beliau yang dekat dengan hati dan minat beliau iaitu makanan.

# ISI KANDUNGAN

## **Muka Surat**

Kata Aluan Pn. Norhana Mustapha (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional Sektor Kejurulatihan dan Hubungan Industri)	i
Kata Aluan Prof. Dr. Aida Suraya Md. Yunos (Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia)	ii
Kata Aluan Prof. Madya. Dr. Abdullah Mat Rashid (Pengerusi Seminar)	iii
Kata Aluan Prof. Dr. Virginia B. Vincenti (Pembentang Kertas Kerja Utama 1)	iv
Kata Aluan Prof. Madya Dr. Muhammad Shahrim Abdul Karim (Pembentang Kertas Kerja Utama 2)	v
Atur acara	1
Latar belakang	2
Ahli Jawatankuasa Program	3
Senarai Pembentang Poster	5
Lagu Putra Gemilang	6
Sekalung Budi	7
Penaja Bersama	8

**ATUR ACARA**  
**SEMINAR DWI-TAHUNAN PENDIDIKAN SAINS**  
**RUMAH TANGGA 2019 (SEMINAR BiHSEd 2019)**

TARIKH / HARI	MASA	AKTIVITI
<b>25 April 2019 (Khamis)</b>	8:00 pagi– 8:45 pagi	Pendaftaran dan Sarapan
	8:45 pagi– 9:30 pagi	Perasmian Pembukaan
	9:30 pagi– 10:30 pagi	Pembentangan 1: Prof. Emeritus Dr. Virginia Vincenti (University of Wyoming, USA)
	10:30 pagi– 10:45 pagi	Rehat dan <i>Morning Coffee</i>
	10:45 pagi– 11:30 pagi	Pembentangan 2: Prof. Madya Dr. Muhammad Shahrim Abdul Karim, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, UPM
	11:30 pagi – 12:45 tengah hari	1. Pembentangan Poster Inovasi Pengajaran dan Produk 2. Pameran Pakaian Kanak-Kanak
	12:45 tengah hari– 2:00 petang	Makan Tengah Hari / Solat
	2:00 petang– 4:30 petang	Bengkel Pedagogi dan <i>Outcome Based Education (OBE)</i> dalam Pendidikan SRT
	4:30 petang – 5.00 petang	Majlis Penutup dan Bersurai

# LATAR BELAKANG

## Seminar Dwi-tahunan Pendidikan Sains Rumah Tangga 2019 (BiHSEd Seminar 2019)

### MENGENAI SEMINAR

Seminar Dwi-Tahunan Pendidikan Sains Rumah Tangga 2019 (**Seminar BiHSEd 2019**) menyediakan peluang terbaik kepada pendidik, penyelidik dan pengamal untuk meneruskan kesinambungan pembangunan dan penambahbaikan dalam bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga di Malaysia. **Seminar BiHSEd 2019** ini juga dilihat sebagai mekanisme untuk memperkasa fungsi profesional Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM dalam memantapkan penerokaan penemuan dan penggunaan dalam bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga.

Di antara objektif **Seminar BiHSEd 2019** ini ialah untuk:

- menanda aras bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga di Malaysia, Amerika Syarikat dan Indonesia tentang amalan lestari dalam Pendidikan Sains Rumah Tangga.
- memperkasa guru Pendidikan Sains Rumah Tangga dalam mengambil peranan yang lebih signifikan di institusi pendidikan.
- berkongsi hasil inovasi pengajaran dan produk dalam Pendidikan Sains Rumah Tangga.
- menyebarluas hasil dapatan, penemuan dan produk dalam bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga.
- membina jaringan dalam kalangan penyelidik dan pengamal dalam bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga.

### PENGUCAP UTAMA 1

Prof. Dr. Virginia B. Vincenti  
(University of Wyoming, USA)

### PENGUCAP UTAMA 2

Prof. Madya Dr. Muhammad Sharim Abdul Karim  
(Universiti Putra Malaysia)

# AHLI JAWATANKUASA PROGRAM

**Penasihat** : Prof. Dr. Aida Suraya Md. Yunus

**Pengerusi** : Prof. Madya Dr. Abdullah Mat Rashid

**Timbalan Pengerusi** : Pn. Anis Zakaria

**Setiausaha** : Dr. Rahimah Jamaluddin (I)  
: Pn. Norazura Abdul Latib (II)

**Bendahari** : En. Mohd Pauzi Abdul Karim (K)  
: Pn. Husaini Hussain  
: Cik Siti Noor Ain Ibrahim

**Laman Sesawang, Grafik & Multimedia** : Dr. Mohd Hazwan Mohd Puad (K)  
: En. Othman Ishak  
: En. Muhammad Safuan Yusuf

**Buku Program** : Dr. Muhd Khaizer Omar (K)  
: Cik Siti Rahayu Abdul Ghafar

**Pendaftaran** : Prof. Madya Dr. Suhaida Abdul Kadir (K)  
: Pn. Maimunah Hamzah

**Perasmian, Protokol & Perhubungan Media** : Dr. Nurzatulshima Kamarudin (K)  
: Dr. Siti Shuhaidah Abdul Latir  
: Pn. Rafidah Abdul Rashid

**Penajaan** : Dr. Othman Talib (K)  
: Pn. Nur Qamarina Salman

**Jemputan & Bengkel** : Dr. Arnida Abdullah (K)  
: Pn. Rosinar Johari  
: Cik Ira Athiqa Baharuddin

**Makanan & Minuman** : Pn. Anis Zakaria (K)  
: Dr. Rahimah Jamaluddin

: Pn. Aziela Zainun

**Teknikal, Logistik & Keselamatan** : Datin Rosnani Jusoh (K)  
: Cik Ashana Saffie  
: En. Muhammad Faisfally Sabaruddin  
: En. Suhairi Ishak  
: En. Fuad Mohamad  
: En. Samsuhaimi Suboh  
: En. Mohamad Adli Ghani

**Pertandingan Poster** : Dr. Normala Ismail (K)  
: Encik Uzaini Mohammad Yusoff

: Pn. Nurul Norzakiah Mohd Nasir  
: Encik Ajarudin Yusof

**Pameran** : Prof. Dr. Wong Su Luan (K)  
: Dr. Enio Kang Mohd Sufian Kang  
: En. Abdul Rahman Sharif  
: En. Haizal Farid Abdul Halim  
: En. Ahmad Hakhimi Harun

# SENARAI PEMBENTANG POSTER

BIL.	NAMA	WAKIL	TAJUK POSTER	*NO. RUJUKAN POSTER
1.	Ku Mahani Binti Ku Mat Desa	SMK Alam Damai, Kuala Lumpur		BiHSEd_#01
2.	Nur Afiqah Binti Roslan	Kolej Vokasional ERT Setapak		BiHSEd_#02
3.	Aqilah Binti Samsul Kamal	Kolej Vokasional Dato' Undang Haji Muhamad Sharip	Flawless Soap	BiHSEd_#03
4.	Hafsa Binti Kastu	Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail	Potato peel premix sweet bun	BiHSEd_#04
5.	Rahimawati Binti Abdul Rahim	Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail	Breadfruit Pasta	BiHSEd_#05
6.	Aina Fathiah Zuhaidi	Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail	De Pro Stick Soap	BiHSEd_#06
7.	Zaharah Binti Ja'afar	Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia	Mathematics In Home Science: A Systematic Review	BiHSEd_#07
8.	Muhamad Hissammudin Shah B Zainal Abidin	Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail	Multipurpose Black Sauce	BiHSEd_#08
9.	Muhamad Hafizuddin Bin Razli	Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail	Okara Spring Roll Pastry: Moisture Content Effects Sensory Evaluation of Overall Acceptance of Consumer	BiHSEd_#09
10.	Datin Rosnani Jusoh	Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia	Pembangunan Kemahiran Keusahawanan Pelajar SRT Melalui Permainan Keusahawanan Goventure World	BiHSEd_#10
11.	Nornazira Suhairom	Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia		BiHSEd_#11

\*Rujuk nombor yang dipamerkan pada papan pepamer (display board) untuk pembentangan poster

## PUTRA GEMILANG

Universiti Putra Malaysia  
Gedung ilmu menara budi  
Disinilah berhimpun warga siswa  
Menjunjung amanat BERILMU BERBAKTI

Teguh setia mengisi harapan  
Insan bertaqwa penunjang peribadi  
Berpadu tenaga mencapai kejayaan  
Sehati sejiwa berhemah tinggi

Universiti Putra Malaysia  
Pembina wawasan gemilang  
Universiti Putra Malaysia  
Pembentuk siswa cemerlang

Semarak namamu di sinar zaman  
Semerbak namamu di suara sanjungan  
Penyumbang bakti ke anak bangsa  
Pewaris sejati negara tercinta

Di damai desa di permai kota  
Tersemat citramu semegah kenangan  
Di darjat bangsa di daulat negara  
Tersurat jasamu menjana kemajuan

**Lirik:** Dharmawijaya  
**Lagu:** Dato' Ahmad Nawab

# **SEKALUNG BUDI**

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kami tujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas kerjasama dan kejayaan melaksanakan Program *Seminar Dwi-tahunan Pendidikan Sains Rumah Tangga 2019* (BiHSEd Seminar 2019) yang telah dijalankan pada 25 dan 26 April 2019. Ucapan penghargaan ini ditujukan khas kepada:

Pn. Norhana Mustapha

Timbalan Pengarah Pembangunan Kejurulatihan

PTV, BPTV

Profesor Dr. Aida Suraya Haji Md. Yunus

Dekan

Fakulti Pengajian Pendidikan UPM

Profesor Madya Dr. Abdullah Mat Rashid

Ketua Jabatan

Jabatan Pendidikan Sains Teknikal, Fakulti Pengajian Pendidikan UPM

Prof. Dr. Virgina B. Vincenti

Profesor Pelawat

University of Wyoming, Amerika Syarikat

Pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM

Staf Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM

Pelajar Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM

Serta

Peserta BiHSEd Seminar 2019

## PENAJA BERSAMA



Official Page: Mamaroti



mamaroti.official  
mamaroti.official1

**GEMILANG TRAVEL AND TOURS SDN BHD**

(KXCP 0296) (156094-U)

**CUTI SEKOLAH**  
DARI RM 7,690

HOTEL DI MAKKAH  
HOTEL MILLENIUM TOWER  
(50-80 METER)  
HOTEL DI MADINAH  
HOTEL CONCORDE  
(150-180 METER)

**MUSIM BIASA**  
DARI RM 6,990

HOTEL DI MAKKAH  
HOTEL MILLENIUM TOWER  
(50-80 METER)  
HOTEL DI MADINAH  
HOTEL CONCORDE  
(150-180 METER)

**PAKEJ UMRAH 2018 & 2019**

HOTEL MAKKAH  
WISAM AL TAJ @ SETARAF  
(450 - 550 METER)

HOTEL MADINAH  
CONCORDE HOTEL @ SETARAF  
(150 - 180 METER)

**PENERBANGAN**  
**HARGA BERMULA RM 4,990**

**KUL - JED - JED - KUL**

27 NOV-09 DEC	09 DEC - 20 DEC
01 DEC - 12 DEC	09 DEC - 20 DEC
02 DEC - 13 DEC	11 DEC - 22 DEC
04 DEC - 15 DEC	12 DEC - 24 DEC
06 DEC - 17 DEC	15 DEC - 26 DEC
06 DEC - 17 DEC	18 DEC - 30 DEC

**UMRAH NOV & DIS**  
PAKEJ DARI RM 5,790

**13 MAC - 24 MAC**  
PAKEJ DARI RM 4,990

**MUSIM BIASA MAC 2019**

**MUSIM BIASA JAN 2019**  
01 JAN - 11 FEB  
PAKEJ DARI RM 5,290

**MUSIM BIASA FEB 2019**  
02 FEB - 13 FEB  
PAKEJ DARI RM 5,290

**PROMOSI AKHIR RAMADHAN & SYAWAL DI MADINAH**  
01 JUN - 12 JUN  
RM 5,990

UNTUK KETERANGAN : EN FARID 013-995 7124 CIK MONICA 011-1570 0357  
LANJUT, SILA HUBungi : PN HJH AFFIDA 019-348 3900 CIK AFIAQAH 017-694 2217  
EN.HANIF 011-3652 4624 PN SITI 013-255 3806

